



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

MBSBP TREASURE HUNT '23

TRAIL OF SEBERANG PERAI

(SELURUH SEBERANG PERAI)

SEMPENA SAMBUTAN HARI BANDARAYA KE 4

14 OKTOBER 2023

(SABTU)

**TEMPAT MULA/TAMAT : MENARA BANDARAYA MBSP,
BANDAR PERDA**

**YURAN
PENYERTAAN
RM150**

Satu Pasukan/Kenderaan

*Goodies | T-Shirt
| Lunch pack

*Tarikh Tutup Penyertaan
30 September 2023 dan terhad
80 kenderaan (KERETA) sahaja

**JOHAN
RM 1500**

NAIB JOHAN : RM 1000

KETIGA : RM 800

KE-4 : RM 700

KE- 5 & 6 : RM 500

KE- 7&10 : RM 300

KE- 11&20 : RM 200

**MBSBP TREASURE HUNT
2023**



TRAIL OF SEBERANG PERAI



**Syarat-syarat
Penyertaan**



**Borang
Penyertaan**

**Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut,
sila hubungi Pn. Syarifah 018-4748165 atau Pn. Dalilah 010-5750808 Jabatan Bangunan MBSP**



SYARAT DAN PERATURAN

MBSP TREASURE HUNT 2023 : TRAIL OF SEBERANG PERAI

Sempena Sambutan Hari Bandaraya Ke 4

ANJURAN : MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

TARIKH : 14 OKTOBER 2023 (SABTU)

MASA : 7.00 PAGI HINGGA 4.00 PETANG

TEMPAT : SELURUH SEBERANG PERAI

TEMPAT MULA/TAMAT : MENARA BANDARAYA MBSP

1. Setiap pasukan terdiri dari satu (1) buah KENDERAAN (maksima 4 orang peserta) dan warganegara Malaysia
2. Kos minyak , tol dan lain-lain kos adalah di bawah tanggungan peserta.
3. Kenderaan yang dibenarkan adalah dari jenis **KERETA/VAN/MPV/4WD** yang mempunyai empat roda sahaja. Kenderaan jenis **LORI** tidak dibenarkan.
4. Peserta diwajibkan melekatkan **sticker** yang akan dibekalkan di badan kenderaan masing-masing dan **sticker** perlu melekat sehingga ke garisan penamat. Markah akan ditolak sekiranya **sticker** tercabut dari kenderaan.
5. Pemandu/Ketua pasukan/pemandu arah perlu mempunyai Lesen Memandu yang sah.
6. Peserta dikehendaki memandu kenderaan mengikut **HAD LAJU KEBANGSAAN** semasa di atas jalan raya.
7. Pihak urusetia tidak akan bertanggungjawab sekiranya sebarang tindakan oleh mana-mana pihak berkuasa lain.
8. Keselamatan diri/kenderaan adalah tanggungjawab sendiri setiap peserta/pasukan
9. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kehilangan nyawa, kecederaan, kerosakan yg berlaku sebelum, semasa dan selepas program ini dan tiada tuntutan dari pihak peserta atau ketiga boleh dibuat keatas penganjur.
10. Markah akan **DITOLAK** sekiranya peserta **MELANGGAR PERATURAN** yang ditetapkan.
11. Apabila tiba di garisan penamat, setiap pasukan **PERLU** menyerahkan semua jawapan/barangan/tugasan yang telah dikumpulkan dari permulaan pertandingan hingga akhir.

12. Skor akan dikira berdasarkan bilangan jawapan/barangan/tugasan yang berjaya diselesaikan sehingga ke garisan penamat mengikut masa yang ditetapkan dan **BUKAN** mempertimbangkan kumpulan pertama yang sampai.
13. Walau bagaimanapun, penganjur akan menetapkan *cut off time* bergantung kepada masa pelepasan bagi setiap pasukan (*flag off*). Ini bagi mengelakkan kelewatan pasukan bermula dan berakhir.
14. Markah juga akan **DITOLAK** bagi pasukan yang tiba **SELEPAS CUTT OFF TIME** tersebut.
15. Pasukan yang tiba **30 MINIT SELEPAS CUTT OFF TIME** akan tersingkir (DQ)
16. Semua jawapan **HENDAKLAH** direkodkan secara Online (TBC) yang telah disediakan dan semua "HARTA KARUN" PERLU diserahkan kepada urusetia di garisan penamat (*ending point*).- *Tertakluk kepada perubahan*
17. Keputusan pengadil adalah **MUKTAMAD** dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.
18. **Yuran penyertaan ialah sebanyak RM 150.00** setiap pasukan . Bayaran boleh dibuat secara online ke **akuan Koperasi Pekerja MPSP Berhad** No Akuan 0701-6010-0459-21 (BANK ISLAM) (**sila catitkan TH MBSP (no kereta) di bahagian rujukan bayaran / payment detail**)
- Nota : Bayaran tidak akan dikembalikan sekiranya peserta menarik diri dari penyertaan selepas 30 September 2023.**
19. Daftarkan penyertaan secara atas talian - (Google form)



Borang
Pendaftaran
secara online



Borang
Deklarasi

**20. TARIKH TUTUP PENYERTAAN DAN BAYARAN ADALAH PADA :
30 SEPTEMBER 2023 (SABTU) / 12.00 THARI**

21. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan urusetia iaitu **Puan Syarifah Maryah Bt Syed Salleh (018-4748165 / 045497882)** atau **Pn. Nor Dalilah Bt Hassan (010- 575 0808 / 04-5497882) - Jabatan Bangunan MBSP**

22. Borang **DEKLERASI** perlu diserahkan di kaunter pendaftaran pada hari penyerah baju t shirt pada :

Tarikh : 12 Oktober 2023 (Khamis)
Jam : 3.00 Petang
Tempat : Lobi Menara Bandaraya Mbsp,
Bandar Perda, Bukit Mertajam



CATITKAN NO PENDAFTARAN
KERETA YANG DIDAFTARKAN :

MBSP TREASURE HUNT 2023 : TRAIL OF SEBERANG PERAI

DEKLARASI

Saya / Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya / kami akan mematuhi segala syarat dan peraturan acara **MBSP TREASURE HUNT 2023 : TRAIL OF SEBERANG PERAI** , Saya / Kami juga mengaku bahawa saya /kami dalam keadaan sihat dan menyertai acara ini di atas risiko sendiri dan tidak akan mengganggu pihak penganjur, penaja dan semua ejen yang berkaitan dengan pihak penganjur untuk apa jua kecederaan yang mungkin ditanggung sebelum, semasa atau selepas acara dijalankan. Saya / Kami juga bersetuju bahawa keputusan pihak penganjur adalah muktamad dan tiada rayuan/bantahan akan dibuat. Saya / Kami juga memberi persetujuan untuk penggunaan gambar, nama dan suara saya / kami dalam apa-apa penyiaran dan promosi pengiklanan atau untuk tujuan lain yang berkaitan dalam acara ini.

Saya / Kami akan bertanggungjawab dan bersetuju untuk melindungi pihak penganjur, penaja, anak-anak syarikat, rakan-rakan niaga dan mereka yang berkaitan dengan penganjur daripada apa jua tuntutan atau permintaan yuran guaman terhadap sebarang kecederaan, kemalangan atau kematian kepada diri sendiri atau pihak ketiga atau kerosakan atau kerugian yang ditanggung untuk kenderaan diri sendiri / pihak ketiga yang digunakan dalam acara ini. Saya / Kami juga mengakui bahawa kenderaan yang digunakan semasa acara ini dijalankan dilindungi oleh insurans dan cukai jalan yang dibayar dengan sewajarnya sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang Malaysia.

Tandatangan Ketua Pasukan

Nama :

Tarikh :

Tandatangan Pemandu Arah

Nama :

Tarikh :

Tandatangan penumpang (1)

Nama :

Tarikh :

Tandatangan Penumpang (2)

Nama :

Tarikh :